



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD SALLEH  
TIMBALAN MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**MAJLIS PELANCARAN BEST OF LABUAN  
PACKAGES, PELANCARAN LABUAN ASPIRING  
GEOPARK DAN MAKAN MALAM MERAIKAN  
PESERTA-PESERTA KEJOHANAN BOLA  
JARING MAKSAK KEBANGSAAN**

**8 FEBRUARI 2020 (SABTU)**

**DEWAN KONVENTSYEN,  
UJANA KEWANGAN LABUAN**

**Bismillahir Rahmanir Rahim**

**Assalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh**

**Salutasi (akan diselaraskan kemudian)**

Izinkan saya memulakan ucapan ini dengan menzahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya juga, maka kita dapat bersama-sama menjayakan majlis Pelancaran *Best of Labuan Packages*, Pelancaran *Labuan Aspiring Geopark* dan Makan Malam Meraikan Peserta-Peserta Kejohanan Bola Jaring MAKSAK Kebangsaan yang diadakan di Dewan Konvensyen Ujana Kewangan Labuan.

**Majlis ini tambah berseri lagi dengan kehadiran Yang Berhormat Tuan Muhammad Bakhtiar, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia yang turut bersama-sama kita pada malam ini.**

**Sesungguhnya kami amat menghargai masa yang diluangkan oleh Yang Berhormat Tuan Muhammad Bakhtiar yang sekaligus mencerminkan keprihatinan beliau terhadap Labuan khasnya di bidang pelancongan.**

**Majlis yang saya sifatkan sebagai 3 dalam 1 ini merupakan satu pendekatan yang efisyen bukan sahaja dalam mengoptimumkan perbelanjaan tetapi juga memanfaatkan peluang yang ada, ditambah pula dengan kehadiran para**

**tetamu dari luar Labuan sempena Kejohanan Bola Jaring MAKSAK Kebangsaan dan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020.**

**Untuk makluman Yang Berhormat dan sidang hadirin sekalian, bulan Februari adalah signifikan dengan Wilayah Persekutuan yang mana pada bulan ini ketiga-tiga wilayah iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan diraikan sempena penubuhan Wilayah Persekutuan pada 1 Februari setiap tahun.**

**Pelbagai acara disusun bagi memeriahkan lagi sambutan di tiga wilayah sepanjang bulan Februari ini. Di peringkat Labuan, kemeriahان sambutan bermula dengan Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan**

pada 19 Januari yang lalu. Ini diikuti dengan program-program yang telah dilaksanakan pada semalam dan pagi tadi seperti program *Art by the Bay*, Sukan Hari Wilayah, Kenduri Rakyat dan program *Go Green*.

Saya juga dimaklumkan selepas sahaja program-program utama ini, Labuan meneruskan sambutan dengan pertandingan hiasan lampu dan pelita atau disebut sebagai pertandingan “bercucul” yang melibatkan penyertaan kampung-kampung dalam Wilayah Persekutuan Labuan.

Pertandingan ini diinovasikan daripada pertandingan kibar bendera yang sebelum ini lebih kepada menggunakan

helaian kain yang digantung di sekeliling bangunan dan kawasan.

Justeru, saya mengalu-alukan kepada semua hadirin untuk mengambil peluang berada di Labuan untuk menyaksikan kemeriahan suasana bercucul ini yang akan tamat pada 29 Februari 2020.

**Sidang hadirin yang dihormati sekalian,**

Acara-acara yang dirangka dan disusun ini adalah bertujuan untuk menarik kunjungan masuk para pelancong ke Labuan. Sempena Tahun Melawat Malaysia 2020, Perbadanan Labuan telah mensasarkan lebih 100 acara dengan 9 daripadanya adalah acara-acara utama seperti Festival Layang-

**Layang pada bulan Mac, Labuan International Sea Challenge (LISC) pada bulan Jun dan Borneo Arts Festival (BAF) pada bulan September.**

**Tahniah saya ucapkan kepada Perbadanan Labuan di bawah kepimpinan Dr. Fary Akmal Osman, serta warga kerjanya yang telah memastikan kompilasi acara ini dapat diedarkan pada hujung Disember 2019. Selain menyajikan pelancong dengan susunan acara, kita juga mestilah mengambil peduli akan keperluan pelancong yang berkunjung ke Labuan terutamanya pada musim cuti.**

**Lazimnya pelancong akan membuat kajian dan perbandingan pakej-pakej yang ditawarkan di tempat yang ingin**

mereka kunjungi. Bagi tujuan ini, Perbadanan Labuan telah mengambil inisiatif bersama-sama Tourism Malaysia, Sabah dengan menggalakkan ejen-ejen pelancongan di Labuan untuk menyediakan pakej-pakej yang dihimpunkan di dalam satu rujukan yang dinamakan *Best of Labuan Packages*.

Penerbitan brosur edisi kelima (ke-5) ini dapat memberi panduan dan memudahkan para pelancong dan pegawai promosi dengan hanya membawa satu rujukan tetapi menghimpunkan 50 pakej pelancongan. Dalam hal ini, saya mengucapkan syabas kepada Tourism Malaysia dan Perbadanan Labuan kerana berjaya menerbitkan edisi kelima pakej

**pelancongan yang banyak memberikan manfaat kepada para pengunjung.**

**Kerjasama strategik ini telah menzahirkan hubungan yang akrab di antara kedua-dua agensi dan sekaligus memesrakan hubungan dengan negeri jiran. Saya juga ingin menyampaikan ucapan penghargaan secara khusus kepada Yang Berhormat Tuan Bakhtiar yang turut memberikan sokongan padu terhadap usaha dan kejayaan menerbitkan pakej *Best of Labuan* ini.**

**Bagi menambahkan lagi daya tarikan, Labuan telah menubuhkan Jawatankuasa Promosi Geopark bagi tujuan untuk mewartakan beberapa kawasan di sekitar pulau Labuan yang mempunyai profil menepati standard**

**Geopark Kebangsaan.** Produk alam ini memberikan potensi tambahan untuk menarik lebih ramai pelancong khususnya kepada pencinta alam dan para penyelidik.

Berdasarkan usaha dan tindakan yang telah dinyatakan di atas, saya dapat menyimpulkan bahawa produk Labuan yang terdiri daripada *sport events*, alam semulajadi, pendidikan, sejarah serta aktiviti rekreasi dan marin dapat diperkasakan dengan lebih berkesan. Justeru, pada hemat saya Labuan wajar dipromosikan dengan lebih giat lagi sebagai sebuah destinasi yang bercirikan “*wellness and health tourism*” dan saya berharap kerjasama semua pihak amatlah diperlukan untuk bersama-sama mempromosikan Labuan

**sebagai destinasi pelancongan yang menarik.**

**Yang Berhormat serta para hadirin sekalian,**

**Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan tidak pernah berhenti daripada merencana dan melaksanakan rancangan pembangunan khasnya sektor pelancongan. Usaha ini telah menjadi salah satu indikator prestasi Menteri Wilayah Persekutuan yang turut merangkumi sektor pembangunan pelancongan di Kuala Lumpur dan juga Putrajaya.**

**Dalam hubungan ini, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan**

**Labuan kini berusaha untuk mendapatkan penerbangan tambahan yang menghubungkan Labuan dengan destinasi antarabangsa lain seperti Singapura, Bangkok dan Jakarta.**

**Untuk makluman semua, beberapa siri pertemuan dan perbincangan telah diadakan bersama dengan Kementerian Pengangkutan Malaysia, Jabatan Penerbangan Awam, Malaysia Airport Holdings Berhad dan juga Tentera Udara Diraja Malaysia bagi mendapatkan insentif dan mekanisme memudahcara berkaitan permohonan penambahan laluan penerbangan antarabangsa ke Labuan.**

**Hadirin dan hadirat sekalian,**

Industri pelancongan memerlukan hubungan baik di antara kerajaan dengan pemain industri di sektor swasta. Bagi memastikan kelestarian hubungan baik ini, Kementerian Wilayah Persekutuan bersetuju akan cadangan Perbadanan Labuan untuk mengadakan anugerah yang didedikasikan kepada pemain industri termasuk pihak perseorangan yang telah mencurahkan usaha dan baktinya terhadap sektor pelancongan dan pelaburan.

Ketika ini terdapat dua nama yang disyorkan iaitu *Labuan Prestigious Award 2020* atau *Labuan Pearl Award 2020* yang akan dipilih untuk nama anugerah ini. Syabas diucapkan kepada Dr. Fary Akmal Binti Osman yang telah mencetuskan langkah berani ini dengan

harapan semoga anugerah ini berupaya menaikkan iltizam dan semangat bagi memotivasiakan mereka yang berkecimpung membangunkan industri pelancongan dan pelaburan di Labuan. Majlis penganugerahan ini dijangka akan diadakan pada bulan Januari 2021 setelah sesi pencalonan dan penilaian dilaksanakan sepanjang tahun ini.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

Pada kesempatan ini saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Perbadanan Labuan kerana telah memberikan peluang dan penghormatan untuk saya melancarkan *Labuan Aspiring Geopark* yang disekalikan di dalam majlis ini. Ucapan terima kasih saya kalungkan kepada

seluruh warga kerja MOTAC, Tourism Malaysia, Sabah dan Labuan juga Perbadanan Labuan serta ejen-ejen pelancongan, hotel dan pemilik produk yang terlibat di dalam mengusahakan *Best of Labuan Packages*.

**Sebelum mengakhiri ucapan, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada MAKSAK Malaysia kerana telah memilih Labuan sebagai tuan rumah Kejohanan Bola Jaring peringkat Kebangsaan. Saya berharap lebih banyak lagi acara di peringkat kebangsaan dapat diadakan di Labuan pada masa yang akan datang.**

**Akhir kata, kepada para peserta kejohanan bola jaring MAKSAK kebangsaan, bertandinglah dengan**

**penuh semangat kesukanan dan setiakawan, kerana sukan juga dapat mengukuhkan perpaduan dan silaturahim.**

**Rebut dan ambillah peluang dan kenangan indah semasa berada di Labuan dan teruskan usaha anda sekalian untuk membantu mempromosikan Labuan apabila anda balik ke negeri masing-masing.**

**Sekian, wabillahit taufik wal hidayah  
wassalamualaikum warahmatullah dan  
terima kasih.**